




idealogy

JURNAL SENI & BUDAYA INDONESIA - MALAYSIA

©2016



idealogy

**JURNAL
SENI & BUDAYA**

INDONESIA
MALAYSIA

INSTITUT SENI BUDAYA INDONESIA
/ISBI BANDUNG
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PERAK
/UITM MALAYSIA

EDITOR
Dr. ANDANG ISKANDAR, S.Pd., M.Ds
Dr. MUHAMAD ABDUL AZIZ AB GANI

SENI GRAFFITI

SATU GARIS PANDUAN DALAM MEGHASILKAN SENI AWAM DI MALAYSIA

MUH SARIP BIN ABD RAHMAN

/JABATAN ASAS SENI

FACULTY OF ART AND DESIGN,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA,
SERI ISKANDAR CAMPUS,
SERI ISKANDAR, 32610,
PERAK, MALAYSIA

STREET ART

Street art adalah satu cabang public art di mana public art ini merupakan faktor yang kuat dalam perkembangan urban art. Street art menurut Ion(2006) ialah apa-apa sahaja bentuk seni yang dihasilkan dalam ruang awam seperti di dinding, di jalanan ataupun lorong-lorong maka itu adalah Street Art.

"Street art adalah seni di jalanan".

Walaupun pada lazimnya seni ini merujuk kepada seni yang bersifat illegal dan bertentangan dengan rang undang-undang dan dasar pihak berkuasa. Pengertian ini juga boleh dikaitkan dengan karya seni grafiti dan aliran-aliran yang lain seperti stencil art, sticker art, poster art dan sebagainya.

Pertalian vandalisme dan grafiti membawa sebilangan masyarakat menganggap bahawa seni ini adalah satu bentuk protes atau pemberontakan terhadap isu sekeliling.

Liar (2013).

Dalam konteks seni graffiti, ia menjelaskan bahawa graffiti berasal dari bahasa Itali "Graffito" yang bermaksud gurisan. Pada mulanya seni ini dihasilkan atas dasar anti estetik dan chaotic (bersifat merosakkan sesuatu, baik dari segi fizik mahupun non-fizik).

Graffiti adalah satu kegiatan seni visual yang menggunakan komposisi warna, garis, bentuk dan ruang untuk menulis perkataan-perkataan dan gambar yang tertentu di permukaan dinding (Johannes, 2008). Media yang digunakan biasanya spray can, cat, air brush dan sebagainya.

Walaupun dengan penggunaan medium yang lebih ringkas, konsep ini menjadi media paling mudah untuk diekspresikan secara cepat, tambahan lagi ianya mempunyai makna tertentu sebagai refleksi diri terhadap suasana sosial, ekonomi, politik dalam sesebuah negara.

Graffiti penuh di sekeliling kita. Ia boleh dilihat hampir pada setiap permukaan di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Melaka, Pulau Pinang dan sebagainya.

Walaupun pada dasarnya ianya dilihat satu bentuk vandalisme dan juga visual pollution, Dengan stail dan teknik penyampaian yang menarik, perbincangan terhadap grafiti telah pun menjadi topik hangat bagi ramai sarjana dari pelbagai sudut latar belakang yang berbeza. Perspektif terhadap grafiti membawa kepada perbincangan yang sangat luas.

Dari sudut bahasa, perkataan "graffiti" adalah berasal dari bahasa Itali iaitu "graffito" yang bermaksud gurisan. "Perkataan ini ada kaitan dengan nama teknik lukisan mural, iaitu 'Sgraffito'. Blume (1987).

Berdasarkan Varnedoe dan Gopnik (1990) telah membandingkan kaitan seni dan grafiti di dalam buku mereka. Mereka melihat grafiti "secara keseluruhannya adalah satu bentuk asimilasi dan penggabungkan", iaitu percampuran antara gurauan dan penghinaan".

Manakala Abel dan Buckley (1977) mengambil pendirian yang sama sekali berbeza. Mereka melihat penulisan grafiti sebagai satu fenomena psikologi, "satu bentuk kebebasan komunikasi diantara pengkarya dan masyarakat terhadap sekatan sosial dan politik dalam sesebuah negara."

Selain itu, perkataan "graffiti" ini bermaksud apa-apa tulisan dinding atau gambar atau simbol atau tanda-tanda dan apa-apa jenis di atas sebarang permukaan, tidak kira apa motif penulis atau pelukis, maka itu adalah graffiti. Samada ianya bersifat estetik atau vandalism, - bukanlah menjadi persoalan.

Masalah ini telah disentuh oleh Dundes (1966) apabila beliau mencadangkan istilah "latrinalia" diwujudkan dan diguna pakai bagi jenis graffiti yang bersifat merosakkan sesuatu contohnya di dinding-dinding tandas. Walau bagaimanapun, ini tidak meliputi sepenuhnya semua jenis grafiti.

Selain itu, kefahaman graffiti juga merujuk kepada perbuatan menandakan harta dengan tulisan, simbol atau grafik (Weisel 2002; White 2001). Graffiti ditakrifkan sebagai penandaan harta orang lain tanpa persetujuan mereka. Di dalam konteks ini, graffiti ini dikaitkan dengan illegal dan di negara Australia ianya adalah masalah yang berterusan walaupun pelbagai denda telah pun dikenakan kepada pengkarya graffiti yang melakukan kesalahan.

Kefahaman ini lebih disifatkan sesuatu yang negatif dan vandalism. Terdapat banyak jenis graffiti dan setiap jenis mempunyai berbezaanya tersendiri. Sebagai contoh Hip hop graffiti, biasanya ia dikaitkan dengan 'tag' dan mural lukisan. Berasal dari Amerika Syarikat. Ia dikenali sebagai elemen yang paling sinonim dengan graffiti. Tagging ini sebahagian besarnya melibatkan tulisan nama samaran pada permukaan seperti dinding, pagar dan kemudahan awam (Halsey & Young 2002).

Bagi segelintir masyarakat global yang menganggap bahawa seni ini sebagai vandalism adalah persepsi yang jauh sama sekali. Mungkin masyarakat terdedah dengan maklumat sejarah seni ini yang lahir dikalangan masyarakat gangsterism di Brooklyn dimana kebanyakan makna penyampaianya merupakan sesuatu perkara yang negatif. Penyampaian imej dipengaruhi oleh keadaan isu persekitaran sesuatu masyarakat. Sama ada terhasilnya imej-imej negatif atau positif bukan kerana seni ini sendiri, namun didikan nilai peribadi yang menentukan baik buruknya. Ayub (2009).

Situasi persepsi masyarakat terhadap graffiti di Malaysia pula semakin hari memberikan reaksi positif sebagai salah satu bentuk public art. Sejarah Graffiti yang bertunjang teguh di jalanan dan lorong-lorong telah pun mewarnai salah satu cabang seni dengan cara penyampaian yang unik dalam menghasilkan public art. Dalam bentuk illegal, graffiti secara tradisinya dilihat hanya bersifat sementara. Ianya sering mengundang pelbagai kontroversi.

Kajian ini akan memperkukuhkan dari sudut proses penghasilan grafiti dalam projek-projek public art di Malaysia. Satu kajian bagi mewujudkan dasar dan garis panduan berkaitan dengan pengurusan grafiti di Malaysia yang telah pun sedia ada, ianya juga satu bentuk penelitian terhadap penghasilan projek-projek grafiti yang berjaya menurut garis panduan yang ditetapkan.

Kajian kes secara global menyediakan contoh bagaimana grafiti boleh dihasilkan dengan jayanya dalam konteks public art. Berpandukan analisis kajian terdahulu, ianya membolehkan kita untuk mengenal pasti pengajaran penting bagi negara.

Walau apa pun makna 'grafiti' ataupun 'seni jalanan'. Ianya berbeza dari sudut falsafah dan pendekatannya, ianya boleh berubah berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak yang berkuasa. Bagi tujuan ini, Kajian ini akan melihat sejauhmana istilah grafiti ini dijangka akan digunakan merangkumi semua bentuk genre dengan membezakan apa yang dibenarkan dan apa yang dihasilkan tanpa kebenaran. Iron(2009)

Salah satu cabaran yang dihadapi oleh perancang bandar, pereka dan pihak berkuasa tempatan adalah melaksanakan public art yang bermoral ke dalam alam bina. Menyediakan public art semata-mata tidak lagi dilihat sebagai satu pendekatan yang berdaya maju dan masih terdapat tanggapan umum bahawa grafiti adalah satu bentuk masalah sosial dan ancaman kepada nilai kehidupan sivik (Dickinson 2008; Iveson 2008).

Sering dikaitkan dengan anak-anak muda yang kurang bernasib baik, grafiti dilihat cenderung kearah tanda kehancuran dalam bandar raya. Kepercayaan ini adalah penting kepada isu bagaimana masyarakat telah menerima projek grafiti pada masa lalu. Terdapat perdebatan tentang kesahihan genre ini sebagai satu bentuk seni ataupun tidak. Oleh itu, kesesuaiannya untuk menggalakkan pihak berkuasa tempatan masih di bawah penelitian.

Illegal graffiti dikaitkan dengan beberapa masalah sosial dan ekonomi. Menurut kerajaan di New South Wales, kos Illegal graffiti di seluruh NSW mencecah 100 juta dolar setiap tahun untuk membersihkan graffiti ini. Illegal graffiti sering dikaitkan dengan persepsi masyarakat berkenaan keselamatan dan jenayah disesuatu kawasan.

Begitu juga kurangnya penglibatan belia kepada aktiviti khidmat masyarakat dan akibatnya mereka ini beralih kepada illegal graffiti sebagai cara untuk menyuarakan rasa kekecewaan atau menggambarkan diri mereka sendiri. Oleh itu, dengan adanya projek-projek grafiti yang megikuti undang-undang ini, secara langsung akan menghalang kepada berlakunya aktiviti illegal graffiti.

Kekurangan pengetahuan umum genre oleh pelbagai pihak selain daripada belia adalah satu lagi halangan utama dalam laluan untuk menghasilkan grafiti sebagai public art.

Hanya segelintir sahaja yang dapat memahami sepenuhnya mesej karya sesebuah grafiti. Melalui projek grafiti yang sah, ianya dilihat mempunyai matlamatnya yang tersendiri dan ianya dapat disesuaikan dengan gaya dan kehendak masyarakat yang lebih luas.

REFERENCES

- Ayub (2009). "Graffiti bukan vandalism". Retrieved 5 January 2016, from <http://is-suu.com/senikini.bsln/docs/senikini-01/15>
- Azhar, S. (2014). "Nasib grafiti jalanan di ibu kota". Retrieved 5 January 2016, from <https://www.malaysiakini.com/news/266630>
- Bandaranaike, S. (2003). *Graffiti Hotspots: Physical Environment or Human Dimension. Graffiti and Disorder: Local Government, Law Enforcement and Community Responses*. Royal on the Park, Brisbane.
- Blume, R. *Graffiti. Discourse and Literature*. Ed. T. A. Van Dijk. Amsterdam/Philadelphia: John Benjamins Publishing Company, 1985. 3: 137-148.
- Curtis, C. (2008). Undercroft saved by the Prime Minister's office?
- Dew, C. (2007). *Uncommissioned Art: An A-Z of Australian Graffiti*. Carlton, The Miegunyah Press.
- Dickinson, M. (2008). "The Making of Space, Race and Place: New York City's War on Graffiti, 1970 to the Present " *Critique of Anthropology* 28(1): 27-45.
- Hewitt, S. (2007). Permits for legal graffiti in Melbourne city. *Sunday Herald Sun*. Melbourne.
- Irons, J. (2009). *Spray away: Making the case for legal graffiti*.
- Iveson, K. (2008). *Publics and the City*. Oxford, John Wiley & Sons.
- Manco, T. (2002). *Stencil Graffiti*. London, Thames & Hudson Ltd.
- Schacter, R. (2008). "An Ethnography of Iconoclasm: An investigation into the production, consumption and destruction of street-art in London." *Journal of Material Culture* 13(1): 35-61.
- Seadey (2010). "Graffiti lucah cemar KL". Retrieved 5 January 2016, from http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0120&pub=Utusan_Malaysia&sec=Kota&pg=wk_01.htm
- Wagiman (2011). "Analisis wacana graffiti" Retrieved 1 January 2016, from <http://wagimanthinker.blogspot.my/2011/04/bab-i-pendahuluan-analisis-wacana.html>
- White, K. (2003). *Graffiti: Looking beyond the symptoms. Graffiti and Disorder: Local Government, Law Enforcement and Community Responses*. Royal on the Park, Brisbane.
- White R 2001. *Graffiti, crime prevention & cultural space. Current issues in criminal justice* 12(3): 253-268



Surat kami : 700-KPK (PRP.UP.1/20/1)

Tarikh : 20 Januari 2023

Prof. Madya Dr. Nur Hisham Ibrahim
Rektor
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Perak



Tuan,

**PERMOHONAN KELULUSAN MEMUAT NAIK PENERBITAN UiTM CAWANGAN PERAK
MELALUI REPOSITORI INSTITUSI UiTM (IR)**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak kami ingin memohon kelulusan tuan untuk mengimbas (*digitize*) dan memuat naik semua jenis penerbitan di bawah UiTM Cawangan Perak melalui Repositori Institusi UiTM, PTAR.

3. Tujuan permohonan ini adalah bagi membolehkan akses yang lebih meluas oleh pengguna perpustakaan terhadap semua maklumat yang terkandung di dalam penerbitan melalui laman Web PTAR UiTM Cawangan Perak.

Kelulusan daripada pihak tuan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

SITI BASRIYAH SHAIK BAHARUDIN
Timbalan Ketua Pustakawan

PROF. MADYA DR. NUR HISHAM IBRAHIM
REKTOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PERAK
KAMPUS SERI ISKANDAR

nar